




Gambaran **ANAK-ANAK**

Dalam al-Quran & Hadith

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا
وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا
(Surah al-Furqan: 74)

إِنَّمَا أَمْوَالُكُمْ وَأَوْلَادُكُمْ فِتْنَةٌ
وَاللَّهُ عِنْدَهُ أَجْرٌ عَظِيمٌ
(Surah al-Taghabun: 15)



زِينَةُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَالْبَاقِيَاتُ الصَّالِحَاتُ
المَالُ وَالْبَنُونَ
(Surah al-Kahf: 46)

إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ
إِلَّا مِنْ صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ، أَوْ مِنْ ثَلَاثَةٍ
أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ، أَوْ وَالدِّينِ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ
(HR. Muslim)

(Surah al-Taghabun: 14)

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّ مِنْ أَزْوَاجِكُمْ
وَأَوْلَادِكُمْ وَعَدُوِّكُمْ فَاحْذَرُوهُمْ
وَإِنْ تَعَفَوْا وَتَصَفَّحُوا وَتَغْفِرُوا
فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ

PERHIASAN DUNIA

Allah telah menjelaskan bahawa kebanggaan manusia di dunia ini ialah harta benda dan anak-anak, kerana manusia sangat menginginkan keduanya. Akan tetapi, Allah menegaskan bahwasanya kedua-dua ini hanyalah perhiasan didunia dan bukanlah bersifat kekal yang boleh membawa ke alam sana.

Menurut Hamka dalam Tafsir Al-Azhar, Allah SWT memberi peringatan bahwa harta dan anak itu memanglah perhiasan yang sangat indah. Namun, perhiasan indah itu hanyalah bersifat sementara kerana memiliki batasan waktunya.

PENYEJUK MATA

Para ulama tafsir menyebutkan, maksud qurrata a'yun dalam ayat di atas adalah anak-anak yang soleh, taat kepada Allah, berbakti kepada orang tua, dan membawa manfaat bagi seisi keluarga.

Syaikh 'Abdurrahman bin Nashir As Sa'di berkata: "Menyejukkan mata kepada orang tua adalah ketika melihat anak dalam keadaan taat kepada Allah, berilmu dan beramal. Doa kebaikan yang dilafazan suami pada anak-anak dan istrinya, hakikatnya adalah doa untuk dirinya sendiri. Ini kerana isteri dan anak yang menjadi penyejuk mata akan kembali manfaatnya pada suami. Inilah yang dijadikan kurnian untuk suami."

MUSUH

Ayat ini memberi kefahaman bahawa sebagian dari anak-anak dan isteri-isteri merupakan musuh bagi suami. Perbuatan sebahagian dari mereka kadang-kadang membuatkan manusia tidak mahu memenuhi seruan Allah & Rasul.

Sesungguhnya tidak ada musuh yang lebih berbahaya dari pada musuh yang mampu memutuskan hubungan mesra antara seseorang dengan Penciptanya. Bahkan mendorongmu untuk mengerjakan dosa demi keuntungan mereka.

Oleh karena itu, berhati-hatilah dengan mereka, tidak semua permintaannya perlu dikabulkan kecuali permintaan yang mendekatkanmu pada Penciptamu.

FITNAH

Imam Ibnu Katsir menyebutkan bahwa yang di maksud kata Fitnah dalam Surat Al Taghobun ayat 15 diatas adalah ujian atau cubaan. Ertinya mereka yang dikurniakan harta dan anak, hakikatnya sedang diuji oleh Allah swt, apakah mereka kekal bersyukur dan tetap taat kepada Allah SWT atau berpaling dariNya kerana disibukkan dengan keduanya.

Apabila hati sudah menyedari posisi harta dan anak-anak sebagai ujian dan cubaan, maka kesedaran ini akan membantunya untuk sentiasa berhati-hati, menyedari dan berwaspada agar jangan sampai ia tenggelam, lupa, dan terbenam dalam fitnah ini.

JAMINAN PAHALA

Anak yang soleh bukan sahaja dapat memberi kebahagiaan di dunia sahaja bahkan di akhirat. Doa dan amalan yang mereka perbuat menjadi saham akhirat yang mampu menolong ibubapa mereka mendapat tempat yang terbaik di alam sana

Allah berfirman yang bermaksud : “Oleh kerana dia telah berada di maqam anak yang soleh disisi Kami, maka Kami angkat doanya. Tempatkan kedua ibubapanya yang Kami sediakan di dalam neraka telah Kami pindahkan ke dalam syurga.”